

PENGETAHUAN UMUM PEMBAYAR ZAKAT: SUATU TINJAUAN DI NEGERI MELAKA

Muhammad Norazam Nordin

azamnordin@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam

Kolej Universiti Islam Melaka

Adam Badhrulhisham

adambadhrul@kuim.edu.my

Fakulti Keilmuan Islam

Kolej Universiti Islam Melaka

Mohamad Firdaus Mohd Isa

firdaus_isa@kuim.edu.my

Abstrak

Apabila penilaian dilakukan berkenaan hasil kutipan zakat menunjukkan kadar peningkatan kutipan di Pusat Zakat Melaka dari tahun 2016 sehingga 2019. Penelitian ini dibuktikan berdasarkan statistik kutipan zakat di Melaka dan dijangka kutipan tersebut akan terus meningkat pada tahun-tahun seterusnya. Maka, kajian ini akan menganalisis pengetahuan umum dan keberkesanan daripada amalan dakwah zakat di kalangan pembayar di Zakat Melaka. Borang soal selidik telah diedarkan kepada 50 orang responden yang terdiri daripada pembayar yang membuat pembayaran zakat di Ibu Pejabat Zakat Melaka dan hasil dapatan dianalisis menggunakan SPSS (Statistical Package for Social Sciences). Hasil dapatan kajian mendapati bahawa segala amalan dakwah zakat yang dilaksanakan oleh Zakat Melaka mampu memberikan keberkesanan terhadap kesedaran di kalangan pembayar zakat. Maka dengan itu, hasil daripada kesedaran yang timbul dalam kalangan pembayar ini mempengaruhi pola kutipan zakat yang dilihat semakin meningkat dari tahun ke tahun.

Kata kunci: dakwah, zakat, keberkesanan, pembayar

GENERAL KNOWLEDGE OF ZAKAT PAYMENT: A REVIEW OF NEGERI MELAKA

Abstract

When the assessment is conducted regarding the zakat collection result shows the rate of increase in collection at Pusat Zakat Melaka from 2016 to 2019. This research is proven based on the statistics of zakat collection in Melaka and it is expected that the collection will continue to increase in the following years. Thus, this study will analyze the general knowledge and effectiveness of zakah dakwah practices among payers in Zakat Melaka. The questionnaires were distributed to 50 respondents who made the payment of zakat at the Zakat Malacca Headquarters and the results were analyzed using SPSS (Statistical Package for Social Sciences). The findings show that the practice of zakat dakwah implemented by Zakat

Melaka is able to give effect to the awareness among zakat payers. Hence, the result of the awareness that arises among these payers affects the pattern of zakat collection which is seen increasing from year to year.

Keywords: da'wah, zakat, effectiveness, payer

Pengenalan

Syariah Islamiyah adalah bersifat sempurna dan lengkap serta merangkumi segala aspek iaitu berkaitan hubungan dengan Allah S.W.T serta hubungan sesama manusia dan makhluk lainnya. Zakat merupakan salah satu ibadah yang disyariatkan oleh Islam. Institusi zakat pula berperanan mengutip zakat daripada umat islam dan mengagihkan kepada asnaf yang terlibat. Perintah kepada mewujudkan institusi untuk mengutip zakat ini boleh dilihat daripada firman Allah:

خُذْ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِمْ بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَاتَكَ سَكَنٌ لَهُمْ
وَاللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ١٠٣

“Ambillah sedekah dari harta mereka untuk membersihkan dan menyucikan mereka dan doakanlan mereka. Sesungguhnya doa kamu itu (menjadi) ketenteraman jiwa mereka. Dan Allah maha mendengar lagi maha mengetahui”

(Al-Tawbah 9: 103)

Zakat adalah ibadah yang berkaitan dengan harta. Ia termasuk didalam lima rukun Islam di mana zakat boleh dikatakan sebagai salah satu daripada sumber untuk menjaga kepentingan masyarakat dalam pembahagian harta dengan adil dan saksama. Pelaksanaannya adalah ditentukan oleh *amil* yang ditugaskan. Ibadah zakat terbahagi kepada dua jenis iaitu zakat fitrah dan zakat harta (Siti Umairah, 2017). Di dalam al-Quran terdapat dua puluh tujuh ayat sejajar dengan kewajipan solat dan kewajipan zakat dalam pelbagai bentuk. Antara dalil pensyarian zakat dijelaskan dalam Al-Quran dan As-Sunnah Kewajipan zakat ke atas harta perniagaan telah lama diperintahkan oleh Allah S.W.T menerusi firman-Nya:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا أَنْفِقُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا كَسَبْتُمْ وَمِمَّا أَخْرَجْنَا لَكُمْ مِنَ الْأَرْضِ
وَلَا تَيَمَّمُوا الْخَبِيثَ مِنْهُ تُنْفِقُونَ وَلَسْتُمْ بِأَخِيذِهِ إِلَّا أَنْ تُغْمِضُوا فِيهِ وَاعْلَمُوا
أَنَّ اللَّهَ غَنِيٌّ حَمِيدٌ ٢٦٧

Maksudnya:

Hai orang-orang yang beriman, nafkahkanlah (di jalan Allah) sebagian dari hasil usahamu yang baik-baik dan sebagian dari apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Dan janganlah kamu memilih yang buruk-buruk lalu kamu nafkahkan daripadanya, padahal kamu sendiri tidak mau mengambilnya melainkan dengan memicingkan mata terhadapnya. Dan ketahuilah, bahwa Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji.

(Sural Al-Baqarah 2: 267)

Jika ibadah solat itu berdimensikan *vertical* (ketuhanan) ibadah zakat pula berdimensikan *horizontal* (kemanusiaan). Zakat bukan hanya kebaikan hati orang kaya terhadap orang miskin, tetapi zakat adalah hak Allah dan hak orang miskin yang terdapat dalam harta orang kaya (Hamdan Dauly, 2018).

Selain itu, zakat dapat mewujudkan sifat bersyukur terhadap nikmat yang diberikan oleh Allah. Dalam kalangan orang berada khususnya, zakat mampu mengelakkan golongan ini daripada sifat kedekut, bakhil serta tamak. Segala bentuk kekayaan yang dikurniakan Allah di muka bumi tidak boleh dimonopoli oleh satu golongan tertentu sahaja, sebaliknya kekayaan itu perlu beredar dalam kalangan semua ahli masyarakat.

Kepentingan pelaksanaan zakat di sesebuah negara adalah bertujuan menjamin keadilan dan kestabilan sosial serta merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat dan menghindari dari berlakunya permusuhan dan sifat dengki sesama manusia. Walaupun kewajipan mengeluarkan zakat ini difardhukan atas setiap individu muslim, namun kesannya bukan sahaja kepada kumpulan sasaran penerima agihan zakat malah juga kepada pihak pelaksana iaitu institusi zakat. Selain daripada itu, kepentingan zakat terhadap orang-orang islam adalah telah dijelaskan di dalam hadis-hadis yang menyatakan bahawa dibenarkan memerangi orang-orang Islam yang mendirikan solat tetapi tidak menunaikan zakat. Rasulullah sendiri ada menyebut bahawa sesiapa yang mendirikan solat tetapi tidak menunaikan zakat, maka solatnya adalah sia-sia (Kadri, Ahmad, & Noor, 2012).

Justeru itu, segala usaha-usaha dan faktor-faktor yang mempengaruhi peningkatan kutipan zakat dan kesedaran masyarakat mengeluarkan zakat haruslah diperkukuhkan dan diperkasakan lagi. Ini kerana, ianya mempunyai hubungkait yang sangat rapat dalam meningkatkan lagi kadar kutipan zakat di setiap negeri. Justeru itu, usaha dan amalan dakwah zakat seharusnya dilaksanakan sebaiknya bagi memindahkan ilmu pengetahuan daripada golongan cendekiawan kepada masyarakat awam supaya jelas kefahaman akan kepentingan dan kewajipan mengeluarkan zakat (Muhsin Ahmad, 2014).

Kecekapan dalam menguruskan kutipan zakat merupakan elemen terpenting dalam memberi keyakinan kepada pembayar zakat untuk membayar zakat menerusi institusi pungutan zakat di setiap negeri. Pelaksanaan sistem yang lebih sempurna akan meningkatkan hasil kutipan zakat dan mempermudah pengagihannya kepada asnaf-asnaf yang perlu. Hal ini pastinya dapat memperbaiki sosio-ekonomi. Menurut Abdul Rahim Abdul Rahman (2007), kecekapan berkait dengan input dan output. Ia mengukur bagaimana input yang produktif menghasilkan output. Dengan kata lain pengukuran ini merujuk kepada kesan-kesan aktiviti organisasi dalam masyarakat. Kecekapan ini juga adalah suatu proses dakwah. Hal ini kerana Islam menyarankan umatnya agar sentiasa melakukan sesuatu pekerjaandengan sebaik mungkin atau dengan kata lainberkualiti dan sempurna (Hasan Al-Banna Mohamed, 2015). Dalam menyampaikan dakwah, terdapat pelbagai cara yang boleh digunakan sebagai perantara dan salah satu daripadanya ialah melalui akhlak. Akhlak adalah medium dakwah melalui perbuatan yang mencerminkan ajaran islam (Hamdan Dauly, 2018).

Amalan dakwah zakat ini boleh dikatakan sebagai antara usaha-usaha memupuk kembali pengetahuan zakat ke dalam diri setiap muslim. Tujuannya adalah untuk memberi pencerahan kepada segenap masyarakat Islam dan memahami konsep-konsep zakat secara mendalam, menunjukkan nilai-nilai dasar, ilmiah dan hikmah-hikmah yang ada. Intepretasi dari dakwah zakat ini dengan hikmah dan ilmu-ilmu yang baik serta mujadalah dengan idea-idea yang lebih unggulsehingga melahirkan amalan salih dan memperkembangkan kewajipan berzakat dalam masyarakat (Safwan Idris, 1997).

Berdasarkan pengenalan di atas, limitasi kertas kajian hanya tertumpu pengetahuan umum dan kepada kesan yang diterima oleh masyarakat daripada dakwah zakat yang telah

dijalankan di Melaka. Kertas ini akan menghadkan penelitian kepada pengetahuan umum pembayar zakat dan keberkesanan dakwah zakat di kalangan pembayar di negeri Melaka sahaja.

Sorotan Literatur

Terdapat banyak kajian yang membincangkan aspek kutipan dan kaedah-kaedah untuk meningkatkan jumlah kutipan zakat agar jumlah kutipan yang besar akan meningkatkan lagi pengagihan kepada asnaf zakat (Muhammad Syukri, 2006). Keberkesanan kutipan dan pengagihan zakat amat bergantung pada pengurusan oleh institusi zakat (Mannan, 2003).

Walaupun bagaimanapun, faktor pengurusan organisasi juga memainkan peranan penting dalam memudahkan urusan pembayaran zakat dilakukan menerusi saluran-saluran yang pelbagai untuk meningkatkan tahap pengetahuan individu menunaikan zakat di samping meningkatkan jumlah kutipan (Nur Hafizah, 2013). Implikasinya, pengurusan dana zakat yang cekap adalah dituntut agar perlaksanaannya dapat mencapai objektif yang ditentukan. Oleh yang sedemikian, pihak institusi zakat perlu meningkatkan kefahaman dan kesedaran masyarakat Islam di Malaysia melalui pelbagai aktiviti promosi dakwah zakat termasuklah ceramah, kempen dan sebagainya.

Seterusnya Kamil (1997), kajian yang dijalankan menunjukkan bahawa sikap dan persepsi mempengaruhi kepatuhan. Persepsi yang positif terhadap zakat akan memberi kesan positif terhadap kepatuhan membayar zakat. Walaupun kajian yang dijalankan ini tidak menunjukkan secara langsung faktor keimanan namun persepsi individu terhadap zakat sebenarnya mempunyai hubungan dengan keimanan. Pada umumnya, keimanan berkait rapat dengan persepsi, oleh itu persepsi positif juga menggambarkan keimanan yang tinggi. Dengan itu, persepsi dan keimanan saling mempengaruhi dan mempunyai kesan terhadap ketaatan dan kepatuhan membayar zakat. Faktor ini juga disokong oleh Eza Ellany Abdul Lateff (2011) dalam menyumbang kepada pematuhan terhadap zakat di mana, mereka menegaskan dalam kajiannya tindakan membayar zakat adalah menjadi petunjuk terhadap tahap keimanan dan kepercayaan yang tinggi. Ini adalah kerana pematuhan individu terhadap tanggungjawab membayar zakat yang dituntut agama adalah sangat bergantung kepada tahap kepercayaan individu itu terhadap pengajaran agamanya.

Kajian yang dilakukan oleh Harunnizam et al. (2014), mendapati faktor demografi seperti jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan dan pendidikan adalah signifikan mempengaruhi kesedaran membayar zakat pendapatan.

Prsetasi kutipan zakat tidak dinafikan telah mengalami peningkatan dari tahun ke tahun. Kajian oleh Mohd Ali, Hairunnizam dan Nor Ghani (2004) telah menggunakan model logit menunjukkan bahawa faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Kajian beliau juga menunjukkan faktor kecekapan institusi menguruskan zakat adalah tidak signifikan mempengaruhi pembayaran zakat. Ini menunjukkan faktor sikap amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat berbanding faktor institusi.

Metodologi Kajian

Pensampelan data

kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama kajian telah diedarkan kepada responden dengan kadar pulangan 50 set. Pemilihan responden terhadap 50 orang pembayar yang membuat pembayaran di kaunter Ibu Pejabat Zakat Melaka (Bukit Baru) adalah dipilih

secara rawak mudah. Data diambil dari hasil keputusan borang soal selidik yang diedarkan kepada responden yang mengandungi 18 soalan. Bahagian A mengandungi 5 soalan berkaitan dengan maklumat demografi.

Manakala Bahagian B pula mengandungi 13 soalan berkaitan pengetahuan umum pembayar terhadap zakat yang mana ianya mempunyai hubungkait dengan keberkesanan dakwah zakat terhadap pembayar. Dalam penggunaan skala, 1 bahagian menggunakan skala Likert lima peringkat yang menunjukkan Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

Kaedah Analisis Data

Penganalisan data adalah bahagian yang penting dalam sesuatu kajian yang dilakukan. Data daripada soal selidik yang telah lengkap diisi oleh responden akan dianalisis oleh pengkaji dengan menggunakan kaedah analisis SPSS 22.0 (*Statistical Package for Social Sciences*). Program SPSS ini digunakan kerana ia dapat memudahkan penganalisan data, memanipulasi data bagi bilangan sampel yang banyak dan data yang dianalisis adalah tepat. Dengan bantuan program ini setiap data yang diperolehi dapat analisis data mentah kepada bentuk kekerapan atau frekuensi, min (purata), sisihan piawai dan peratusan.

Hasil Kajian

Hasil dapatan kajian yang diperolehi oleh pengkaji mendapati bahawa segala aktiviti promosi dakwah zakat yang dilaksanakan oleh Zakat Melaka mampu memberi kesan terhadap tahap kesedaran dikalangan pembayar zakat. Sehubungan dengan itu, hasil daripada kesedaran yang timbul dalam kalangan pembayar ini dapat menunjukkan peningkatan yang positif dan tinggi dari tahun 2015, 2016 dan 2017 terhadap kadar kutipan zakat yang diperolehi.

Ini jelas dapat dibuktikan berdasarkan analisis diskriptif yang telah dijalankan oleh pengkaji. Terdapat dua bahagian rumusan keputusan dapatan yang akan di bincangkan oleh pengkaji secara keseluruhan yakni (i) rumusan keputusan dapatan Bahagian A berkenaan dengan demografi responden dan (ii) Bahagian B pengetahuan umum pembayar terhadap zakat yang mana merupakan tahap pengukuran kesedaran yang diterima oleh pembayar.

Jadual 1: Rumusan Keputusan Dapatan Bahagian A (Demografi Responden)

PERKARA	PERATUSAN (%)
Jantina (Perempuan)	54%
Umur (20 – 29 tahun)	30%
Taraf Perkahwinan (Berkahwin)	74%
Pendapatan Bulanan (RM 1000 – RM2999)	62%
Peringkat Pendidikan Tertinggi (SPM / STPM)	50%

Hasil kajian mengenai tahap kesedaran individu untuk membayar zakat akan dapat dilihat daripada beberapa faktor demografi responden iaitu faktor jantina, umur, taraf perkahwinan, pendapatan bulanan dan peringkat pendidikan tertinggi. Berdasarkan daripada jadual 1.0, rumusan keputusan dapatan pada Bahagian A berkenaan dengan demografi responden. Pertama, dari aspek jantina mendapati peratusan responden perempuan iaitu sebanyak 54 % lebih tinggi berbanding responden lelaki.

Hasil kajian menunjukkan lelaki mempunyai tahap kepatuhan yang rendah berbanding perempuan disebabkan teori psikologi. Berdasarkan perspektif psikologi, dikatakan bahawa antara lelaki dan perempuan lazimnya terdapat banyak perbezaan, terutamanya berkaitan sikap, minat, kemahiran dan personaliti. Perkara ini juga selari dengan penemuan yang dilakukan di bidang percukaian, iaitu lelaki didapati mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk lari atau mengelak daripada membayar cukai berbanding perempuan (Zulkifli Daud, 2010).

Kedua, dari aspek umur. Mengikut kategori umur responden dalam Jadual 1.0 menunjukkan bahawa tahap kepatuhan zakat tertinggi adalah pada responden yang berumur antara 20 hingga 29 tahun, iaitu sebanyak 30% daripada keseluruhan responden. Ini menandakan bahawa peringkat umur 20 hingga 29 tahun merupakan mereka yang mempunyai tahap kesediaan yang agak baik berbanding dengan peringkat umur yang lebih tua. Terdapat kecenderungan bahawa responden dengan umur yang semakin meningkat memberi kesan kepada penurunan kesediaan mereka untuk membayar zakat.

Lazimnya peningkatan umur responden akan dapat meningkatkan kefahaman dan kesediaan membayar zakat seperti dapatan kajian yang dilakukan Sanep, et al (2005). Sehingga semakin tinggi umur responden akan semakin tinggi pula kesediaannya untuk membayar zakat. Bagaimanapun, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa peningkatan umur responden menyebabkan penurunan kesediaan mereka untuk membayar zakat.

Ketiga, dari aspek taraf perkahwinan. Berdasarkan data yang diperolehi berkenaan dengan taraf perkahwinan, majoriti responden yang telah berkahwin mempunyai tahap kesedaran yang tinggi untuk membayar zakat iaitu sebanyak 74% orang responden. Rata-rata responden yang telah berkahwin telah wujudnya rasa bertanggungjawab dalam membuat pembayaran zakat. Jelas kelihatan bahawa faktor taraf perkahwinan memberi kesan terhadap tahap kesedaran pembayar berhubung dengan zakat.

Keempat, dari aspek pendapatan bulanan mendapati peratusan responden yang memiliki pendapatan bulanan RM 1000 hingga RM 2999 adalah sebanyak 62% orang responden yang mempunyai tahap kesedaran yang tinggi hasil daripada aktiviti dakwah zakat yang dilaksanakan. Lazimnya penambahan perbelanjaan tidak menyebabkan pengurangan keberangkalian membayar zakat serta semakin tinggi perbelanjaan semakin tinggi taraf kekayaan dan akan semakin tinggi kemungkinan untuk membayar zakat (Hairunnizam, 2005).

Daripada dapatan kajian yang telah dijalankan, jelas menunjukkan bahawa individu yang mempunyai pendapatan yang sederhana masih mampu melaksanakan dan melahirkan rasa tanggungjawab dalam menunaikan zakat berbanding individu yang mempunyai pendapatan bulanan yang besar amaunnya. Berdasarkan hasil daripada temubual pengkaji dengan pegawai zakat Melaka terdapat segelintir individu yang mempunyai kadar pendapatan bulanan yang tinggi berkemungkinan membuat pembayaran melalui skim potongan gaji dan bukannya membuat pembayaran terus ke kaunter Zakat Melaka.

Kelima, dari aspek peringkat pendidikan tertinggi. Berdasarkan keputusan yang ditunjukkan dalam Jadual 1.0 bahawa nilai peratusan tertinggi adalah taraf pendidikan SPM / STPM iaitu sebanyak 50% orang responden. Secara lazimnya semakin tinggi tahap pendidikan seseorang didapati semakin patuh mereka untuk membayar zakat tetapi hasil daripada kajian pengkaji mendapati ia adalah sebaliknya.

Rata-rata responden yang memiliki taraf pendidikan yang sederhana yang mempunyai tahap kesedaran dakwah zakat yang lebih tinggi. Maka dengan itu, hasil daripada temubual pengkaji dengan pegawai zakat Melaka bahawa golongan individu yang berpendidikan tinggi

seperti Ijazah, Master atau PHD berkemungkinan membayar zakat melalui skim potongan gaji dan bukannya membuat pembayaran terus ke kaunter Zakat Melaka.

Seterusnya adalah rumusan keputusan dapatan bagi Bahagian B berkenaan dengan pengetahuan umum pembayar terhadap zakat yang mana merupakan tahap pengukuran kesedaran yang diterima oleh pembayar hasil daripada keberkesanan aktiviti dakwah zakat yang telah dilaksanakan di Melaka. Berdasarkan Jadual 2.0 menunjukkan rumusan keputusan dapatan Bahagian B yang di ukur secara purata (nilai min) melalui interpretasi dapatan deskriptif yang telah dirumuskan oleh Nunally (1978). Pada bahagian ini pengkaji telah menyediakan 13 item yang terdiri daripada item yang positif dan item negatif.

Jadual 2 : Rumusan Keputusan Dapatan Bahagian B
 (Pengetahuan Umum Pembayar Terhadap Zakat)

Bil	Penyataan	Nilai Min
B1.	Zakat dalam Islam merupakan ibadah dan satu kefardhuan kepada umatnya.	4.88
B2.	Zakat mempunyai pengaruh yang penting dalam sistem pentadbiran negara.	4.48
B3.	Zakat dapat mewujudkan kestabilan sosial, merapatkan jurang pendapatan antara masyarakat dan menghindar dari sifat dengki sesama manusia.	4.42
B4.	Syarat wajib zakat ialah Islam, merdeka, milik sempurna, cukup nisab, cukup haul & harta yang berkembang.	4.82
B5.	Terdapat 2 jenis kategori zakat iaitu Zakat Harta dan Zakat Fitrah.	4.28
B6.	Kadar zakat harta 2.5 %	4.56
B7.	Membayar zakat hanya tertumpu kepada zakat fitrah semata-mata.	1.60
B8.	Pembayaran bagi zakat harta adalah tidak wajib.	1.72
B9.	Masalah keengganan membayar zakat bergantung kepada tahap kesedaran seseorang individu.	4.12
B10.	Membayar dan mengagihkan zakat tanpa melalui institusi zakat yang dilantik adalah sah tetapi berdosa kerana tidak mengikut arahan pemerintah.	2.92
B11.	Kempen, Ceramah, Taklimat, khutbah antara medium saluran dakwah yang mampu memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan zakat	4.48
B12.	Individu menganggap bayaran cukai menyamai zakat dan beranggapan bahawa sekiranya ia telah membayar cukai maka telah terlepas tanggungjawab untuk membayar zakat.	2.28

B13. Kesedaran individu tentang kewajipan agama dan tanggungjawab berzakat berpunca dari faktor kefahaman agama. 4.26

Hasil daripada keseluruhan dapatan kajian Bahagian B mendapati bahawa rata-rata jenis item yang positif memperoleh purata (nilai min) antara 4.00 hingga 5.00 yang mana menunjukkan pada aras kedudukan yang tinggi dan bagi jenis item yang negatif pula memperoleh purata (nilai min) 1.00 hingga 3.00 iaitu pada aras kedudukan rendah dan sederhana rendah. Oleh itu, secara keseluruhannya mendapati bahawa rata-rata responden mempunyai tahap kesedaran yang tinggi hasil daripada keberkesanan aktiviti dakwah zakat yang dijalankan.


Maka dengan itu, secara tidak langsungnya apabila sudah timbulnya tahap kesedaran dakwah zakat yang tinggi di kalangan pembayar maka ianya memberi kesan terhadap peningkatan yang positif terhadap kadar kutipan zakat yang diperolehi di negeri Melaka. Secara ringkasnya semakin tinggi tahap kesedaran pembayar semakin tinggi kadar kutipan zakat yang diperolehi. Oleh yang demikian ini dapat dibuktikan berdasarkan laporan kutipan zakat yang diperolehi pada Jadual 3.0 dan Rajah 1.0.

Jadual 3 : Laporan Kutipan Zakat Dari Tahun 2015-2017

Jenis Zakat	Kutipan (Rm)		
	2015	2016	2017
Pendapatan	35,260,377.24	39,623,568.36	44,607,990.55
Wang Simpanan	12,286,830.30	13,149,704.32	14,151,004.45
Perniagaan	12,370,338.08	12,316,086.87	21,206,155.88
Emas	651,146.17	716,427.44	771,424.28
Saham	1,622,393.11	861,170.48	908,088.91
Ternakan	89,555.00	77,483.00	82,747.00
Pertanian	61,296.00	76,338.25	35,316.80
Jumlah	62,341,935.90	66,820,778.72	81,762,727.87
Zakat Fitrah	3,625,115.40	3,714,600.60	3,842,336.10
Jumlah Keseluruhan	65,967,051.30	70,535,379.32	85,605,063.97

Sumber : Bahagian Perhubungan Korporat, Operasi & Perkhimatan Pelanggan, ZM 2018

Rajah 1: Statistik Kutipan Zakat Negeri Melaka Bagi Tahun 2015-2017



Kesimpulan Kajian

Secara keseluruhannya, kajian ini mendapati keberkesanan dakwah zakat di kalangan pembayar di Zakat Melaka berada pada tahap yang tinggi. Berdasarkan hasil kajian jelas menunjukkan bahawa masyarakat mula menyedari bahawa segala medium saluran promosi dakwah zakat seperti kempen, ceramah taklimat, pameran, saluran media baharu dan sebagainya mampu memberi kesedaran kepada masyarakat berkenaan zakat.

Dengan kewujudan medium saluran dakwah seperti ini dapat memperluaskan lagi keberkesanan terhadap kefahaman, pengetahuan serta kesedaran masyarakat untuk menunaikan tanggungjawab sebagai seorang individu Islam. Oleh itu, pihak Zakat Melaka perlu mengekalkan dan meningkatkan prestasi sebagai sebuah institusi pungutan zakat yang unggul dengan mempergiatkan lagi medium saluran dakwah zakat ini. Sepertimana yang telah diperjelaskan sebelum ini tahap kesedaran di kalangan pembayar ini memberi impak yang besar terhadap kadar kutipan yang akan diperolehi.

Rujukan

Al-Quran

- Abdul Rahim Rahman. 2007. Pre-Requisites For Effective Integration of Zakah Into Mainstream Islamic Financial System In Malaysia. *Islamic Economic Studies* **14** (1&2). 91-107.
- Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Sanep Ahmad. 2005. Kesedaran Membayar Zakat : Apakah Faktor Penentunya ?. *IJMS* **12** (2) : 171-189.
- Hairunnizam & Sanep Ahmad. 2014. Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat : Kajian Terhadap Masyarakat Islam di Selangor. *Jurnal Ekonomi Malaysia* **48** (2) : 41-50.

- Muhsin Nor Paizin. 2014. Amalan Dakwah Zakat Di Wilayah Persekutuan Malaysia : Satu Pemerhatian. *Proceeding of the International Conference on Arabic Studies and Islamic Civilization iCasic*, hlm. 482-489.
- Nur Hafizah Bt Ishak & Selamah Bt Maamor. 2013. Kajian Kecekapan Kutipan Zakat di Wilayah Persekutuan. *Prosiding PERKEM VIII*, Jilid 1, hlm. 414-425.
- Siti Umairah Kamaruddin, Hairunnizam Wahid, Mohd Ali Mohd Noor & Abdul Halim Abu Bakar. 2017. Keberkesanan Ceramah Zakat dan Kesannya Terhadap Tingkat Kefahaman dan Amalan Pembayaran Zakat Perniagaan : Kajian di Daerah Sepang, Selangor. *Jurnal of Islamic, Social, Economics and Development 2* : 1-21
- Safwan Idris. 1997. Gerakan Zakat dalam Pembudayaan Ekonomi Ummat: Pendekatan Transformatif. Jakarta: Putra Bangsa, hlm. 212
- Hamdan Dauly. 2018. Zakat Sebagai Pesan Dakwah: Antara Pengelola dan Perubahan Status Manusia. *Tasamuh: Jurnal Studi Islam*. vol 10, 1. Hlm 93-123
- Hasan Al-Banna Mohamed, Ab Munir Ab Ghani, Siti Arni Basir. 2015. Nilai-Nilai Sistem Pengurusan Kualiti Islam Berasaskan Al-Quran Dan Integrasi Ilmu Sainifik. *Jurnal Syariah* Jil. 23 bil. 1, hlm 25-52
- Kadri, Z., Ahmad, S., & Noor, M. A. (2012). "Zakat Sebagai Pemangkin Pembangunan Ekonomi: Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi", *Transformasi Ekonomi dan Sosial Ke Arah Negara Maju* (hlm. 1263-1273). Ipoh: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke VII (PERKEM VII).
- Eza Ellany Abdul Lateff, Mohd Rizal Palil. (2011) "Faktor-Faktor yang mempengaruhi Pembayaran Zakat Pendapatan di Malaysia", *Ekonomi Berpendapatan Tinggi: Transformasi ke Arah Peningkatan Inovasi, Produktiviti dan Kualiti Hidup*. (hlm 148-159). Melaka: Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VI (PERKEM VI).